

NO. SOALAN : 338

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH JAWAPAN : -
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan semua peserta-peserta dalam program Feed-in-Tariff (FiT) dalam negeri Sabah dengan maklumat yang terperinci seperti kos, kuasa yang dijana dan pendapatan yang akan diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak **331** permohonan dengan jumlah kapasiti **254.08MW** telah diterima bagi projek-projek FiT di Sabah di mana sebanyak **299** permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **139.35MW** telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak lima (5) pepasangan telah bersambung ke grid dan beroperasi dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **43.40 MW**. Maklumat terperinci mengenai projek-projek tersebut adalah seperti di **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1: Maklumat terperinci mengenai projek FiT di Sabah yang telah beroperasi

No	Sumber	Nama syarikat	Kapasiti Terpasang (MW)	Jumlah Bayaran yang Diterima Sehingga 31 Ogos 2014 (RM)*
1	Biomass	KINA BIOPOWER SDN BHD	11.5	23,447,630.76
2	Biomass	SEGUNTOR BIOENERGY SDN BHD	13.4	23,968,680
3	Hidrokuasa	ESAJADI POWER	2	3,120,449.88

	Kecil	SDN BHD		
4	Hidrokuasa Kecil	ESAJADIPOWER SDN BHD	4.5	6,000,821.928
5	Biomass	TSH BIO-ENERGY SDN BHD	12	19,806,027.39

* Sebahagian daripada bayaran yang diterima ditampung oleh Sabah Electricity Sdn Bhd (*displaced cost*) dan sebahagian lagi ditampung oleh Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu.

Senarai penuh bagi *Feed-in Approval Holders* (FIAH) boleh dirujuk daripada laman web SEDA Malaysia di www.seda.gov.my di bawah ruangan *Statistics & Monitoring*.

NO. SOALAN: 339

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah faktor-faktor untuk mengklasifikasikan sesuatu isi rumah sebagai miskin dan miskin tegar. Berapakah bilangan miskin dan miskin tegar di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Apakah nisbahnya kepada jumlah keseluruhan penduduk masing-masing tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengukuran kemiskinan di Malaysia adalah berdasarkan pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya. Sesuatu isi rumah diklasifikasikan sebagai miskin sekiranya pendapatan isi rumah tersebut adalah di bawah PGK. Isi rumah miskin tegar adalah isi rumah yang berpendapatan di bawah PGK makanan, iaitu pendapatan minimum yang diperlukan oleh isi rumah bagi memenuhi keperluan pemakanan yang seimbang dan tenaga yang mencukupi untuk ahli isi rumah berupaya menyertai aktiviti dalam masyarakat.

PGK terkini berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2012 adalah seperti berikut:

Wilayah	PGK (RM)	
	Miskin	Miskin Tegar
Semenanjung Malaysia	830	520
Sabah & Labuan	1,092	660
Sarawak	920	600
MALAYSIA	860	540

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS)

Berdasarkan data awalan PPIR 2014, PGK adalah seperti berikut:

Wilayah	PGK (RM)	
	Miskin	Miskin Tegar
Semenanjung Malaysia	910	570
Sabah & Labuan	1,160	700
Sarawak	990	660
MALAYSIA	940	590

Berdasarkan kepada PPIR 2012, bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

Wilayah	Bilangan Isi Rumah	
	Miskin (termasuk miskin tegar)	Miskin Tegar
Semenanjung Malaysia	52,800	5,500
Sabah	42,400	8,500
Sarawak	12,600	1,800

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS)

Nisbah bilangan miskin dan miskin tegar kepada jumlah keseluruhan penduduk masing-masing adalah seperti berikut:

Wilayah	Bil. Isi Rumah	Nisbah	
		Bil. Miskin: Bil. Isi Rumah	Bil. Miskin Tegar:Bil. Isi Rumah
Semenanjung Malaysia	5.3 juta	1:100.38	1:963.64
Sabah	0.5 juta	1:11.79	1:58.82
Sarawak	0.5 juta	1:39.68	1:277.78

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

SOALAN :

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan doktor yang menjalankan 'houseman' di negeri Sabah. Berapakah nisbah berbanding dengan doktor keseluruhannya. Adakah nisbah terkini terlebih banyak berbanding dengan tahap antarabangsa

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat terdapat seramai 673 orang Pegawai Perubatan Siswazah yang sedang menjalani latihan siswazah di negeri Sabah dengan peratus pengisian sebanyak 80.5%.

Bagi tahun 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di negeri Sabah adalah 1:1,235 berbanding dengan nisbah Pegawai Perubatan berbanding penduduk di Malaysia 1:620. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan.